



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**ISTIADAT PERTABALAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG**

**PADA**

**30 JULAI 2019 [SELASA]  
BERSAMAAN 27 ZULKAEDAH 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI**

**BALAIRUNG SERI, ISTANA NEGARA  
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR SAYA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA MENGADAKAN MESYUARAT MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG KALI KE-177 PADA PAGI INI. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASSALAM DAN JUGA KE ATAS KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA. SEMOGA MESYUARAT INI MEMPEROLEH LIMPAH KURNIA DAN INAYAH-NYA.

SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI-AHLI MESYUARAT MAJLIS YANG HADIR. KEHADIRAN INI MEMBUKTIKAN KOMITMEN DAN ILTIZAM YANG TINGGI TERHADAP TANGGUNGJAWAB SERTA PERANAN KITA DALAM MAJLIS INI. MUDAH-MUDAHAN MESYUARAT KITA PADA KALI INI DAPAT BERJALAN LANCAR DENGAN PERKONGSIAN IDEA-IDEA BARU DARIPADA AHLI-AHLI MESYUARAT SEKALIAN.

SAYA JUGA MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TIMBALAN YANG DIPERTUA SERTA PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS UGAMA ISLAM PAHANG YANG TURUT SAMA MEMBANTU SEMASA ISTIADAT PEMAKAMAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SAYA BARU-BARU INI.

MARILAH KITA MENGHADIAHKAN AL-FATIAH KEPADA ALMARHUM PADUKA AYAHANDA, SEMOGA ROHNYA DICUCURI RAHMAT OLEH ALLAH SUBHANAHU WA TAALA.

AHLI-AHLI MAJLIS SEKALIAN.

KITA BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENGURUSKAN INSTITUSI AGAMA BAGI MENDEPANI CABARAN YANG GETIR UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN AGAMA ISLAM KHUSUSNYA DI NEGERI INI DAN JUGA NEGARA IN. JUSTERU ITU, KESATUAN DALAM KALANGAN INSTITUSI AGAMA HENDAKLAH TERUS DIPERKUKUHKAN BAGI MENEPIS TEKANAN PIHAK-PIHAK YANG MAHU MENEGAKKAN PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN SYARIAT ISLAM.

SEBAGAI UMAT ISLAM KITA WAJIB MEMPERTAHANKAN AGAMA INI DARIPADA DIPERSENDAKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. ISLAM BUKAN SEKADAR SEBUAH AGAMA YANG EKSKLUSIF UNTUK KUMPULAN TERTENTU; MALAH ISLAM MERUPAKAN CARA HIDUP UNIVERSAL YANG MEMBAWA RAHMAT BUAT SEKALIAN ALAM.

NAMUN DEMIKIAN; DALAM KITA MEMPERTAHANKAN AGAMA ISLAM; JANGANLAH KITA LUPA BAHAWA AGAMA-AGAMA LAIN JUGA PERLU DIHORMATI BAGI MENJAGA KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN HIDUP DI NEGARA INI.

AHLI-AHLI MESYUARAT SEKALIAN.

SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PIHAK MAJLIS UGAMA ISLAM PAHANG TELAH MENGANJURKAN MAJLIS PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG YANG DISEMPURNAKAN OLEH PADUKA KAKANDA, YANG AMAT MULIA TENGGU PUTERI SERI LELA WANGSA BAGI MENGHARGAI KAKITANGANNYA DENGAN PENGIKTIRAFAN ATAS SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN CEMERLANG SEPANJANG TAHUN 2018.

BULAN SYAWAL TELAH PUN BERAKHIR BEBERAPA HARI YANG LALU. WALAUPUN KITA BERGEMBIRA MERAIKAN SYAWAL, NAMUN BEGITU ADA SAUDARA-SAUDARA KITA YANG TERKENA MUSIBAH ATAS KEJADIAN RIBUT BARU-BARU INI YANG BERLAKU DI DAERAH TEMERLOH DAN LAIN-LAIN DAERAH. SAYA BERKESEMPATAN JUGA BERANGKAT UNTUK MELAWAT MANGSA-MANGSA RIBUT YANG MELIBATKAN BEBERAPA BUAH PERKAMPUNGAN DI DAERAH TEMERLOH. SEHUBUNGAN ITU, SAYA MAHU MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG UNTUK TERUS MEMBANTU RAKYAT JELATA YANG DITIMPA MUSIBAH.

DIKESEMPATAN INI JUGA; SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DI ATAS PEMBUKAAN OPERASI HOSPITAL PAKAR MUIP YANG DIKENALI SEBAGAI "PAHANG MEDICAL CENTRE". SETELAH BEGITU LAMA KITA MENUNGGU AKHIRNYA DAPAT JUGA KITA MELIHAT HOSPITAL INI BEROPERASI. SAYA BERHASRAT UNTUK MELAWAT HOSPITAL INI APABILA SAYA BERANGKAT PULANG KE PAHANG KELAK.

BERKAITAN DENGAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG DIJALANKAN MELALUI ANAK-ANAK SYARIKAT; SAYA SANGAT MENGHARAPKAN SUPAYA IANYA DIKENDALIKAN DENGAN BAIK DAN KEMAS. KONSEP "GOOD GOVERNANCE" SERTA TADBIR URUS YANG MENCERMINKAN PERJALANAN SYARIKAT KORPORAT PERLU LAH DILAKSANAKAN.

APA YANG SAYA HARAPKAN KEWUJUDAN AKTIVITI PERNIAGAAN INI AKAN DAPAT MEMBANTU PENTADBIRAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG UNTUK MENINGKATKAN PENDAPATANNYA MELALUI KEUNTUNGAN YANG DITERIMA.

AHLI-AHLI MESYUARAT SEKALIAN.

SEPERTIMANA YANG KITA SEDIA MAKLUM, TUNTUTAN SAMAN PIHAK JURUAUDIT "ADAM & CO" TERHADAP MAJLIS UGAMA ISLAM PAHANG TELAH DIBAWA KE MAHKAMAH TINGGI KUANTAN. PIHAK MAHKAMAH TELAH MEMBENARKAN PERMOHONAN JURUAUDIT "ADAM & CO" UNTUK MENDAPATKAN PENGHAKIMAN TERUS TERHADAP SAMAN YANG MEREKA KEMUKAKAN.

BAGI MENDAPATKAN GAMBARAN YANG TERPERINCI BAGI KES INI, SAYA TELAH MENITAHKAN SUPAYA PIHAK TETUAN ROSNAH FAISAL & ASSOCIATES YANG MEWAKILI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG DAPAT MEMBERI TAKLIMAT TENTANG KES INI.

MENGAKHIRI TITAH. SAYA MENGHARAPKAN AGAR MESYUARAT PADA KALI INI AKAN DAPAT MENGADAKAN PERBINCANGAN YANG BERNAS SETERUSNYA MEMBUAT KEPUTUSAN YANG TEPAT.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته